



## **KENYATAAN MEDIA** **(UNTUK SIARAN SEGERA)**

### **HASIL ANALISIS JABATAN KIMIA KE ATAS SAMPEL BERAS JENAMA RAMBUTAN YANG DIAMBIL DI KILANG OEL SDN BHD, ALOR SETAR, KEDAH**

1. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) merujuk kepada pemeriksaan dan siasatan oleh Cawangan Kawalselia Padi dan Beras (KPB) MOA di kilang pemprosesan dan pembungkusan beras jenama Rambutan Super Special Tempatan 15% (SST5%) di Alor Setar pada 18 Jun 2017 lalu. Sampel beras sumber utama dan sampel beras telah proses yang diambil semasa siasatan tersebut telah dihantar kepada Jabatan Kimia.
2. Keputusan Jabatan Kimia yang diterima oleh Kementerian pada **20 Jun 2017** menunjukkan sampel-sampel tersebut **adalah merupakan beras tulen dan tiada kandungan plastik atau apa-apa unsur lain.**
3. Selain daripada itu, Kementerian juga telah menghantar kepada Jabatan Kimia sampel-sampel beras yang diambil daripada beberapa lokasi lain, termasuk kilang di Perak dan Pahang serta pasaraya di Selangor.
4. Kementerian pada masa ini masih menunggu keputusan analisis makmal bagi sampel-sampel tersebut.
5. Terdahulu, berikutan satu aduan polis mengenai beras plastik di Kulai Johor pada 6 Jun 2017, KPB telah membuat siasatan serta menghantar sampel beras tersebut kepada Jabatan Kimia. Hasil analisis yang diterima daripada Jabatan Kimia pada 13 Jun juga menunjukkan tiada unsur plastik dalam kandungan beras yang disiasat.

6. Orang ramai dinasihati supaya tidak mudah percaya kepada dakwaan yang tular di media sosial mengenai isu beras plastik. Mereka yang mempunyai maklumat mengenai perkara ini boleh menghubungi pejabat Kawalselia Padi dan Beras di setiap negeri bagi memastikan siasatan dapat dijalankan dengan sebaiknya serta dapat mengelakkan kekeliruan di kalangan pengguna beras dalam negara.

**Shamsuddin bin Ismail**  
**Ketua Pengarah Pengawasan Padi dan Beras,**  
**Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Malaysia**  
**21 Jun 2017**

**#####**

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

**Mohd Asril Idris**  
Ketua Komunikasi Korporat  
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani  
[asril@moa.gov.my](mailto:asril@moa.gov.my) , 013-3448185

**Norizan Ibrahim**  
Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani  
[norizani@moa.gov.my](mailto:norizani@moa.gov.my), 013-6705101